

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Utusan Malaysia akan disiasat di bawah Akta Kanak-Kanak atas kecuaian dan kegagalan dalam melindungi hak anak kepada mangsa pembunuhan pada 5 Ogos yang lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan berkaitan artikel yang diterbitkan di dalam surat khabar Utusan Malaysia bertarikh 5 Ogos 2020. Artikel tersebut telah memaparkan gambar YB Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama seorang kanak-kanak yang merupakan anak kepada mangsa kes bunuh. Gambar yang sama turut dipaparkan di dalam akaun peribadi Instagram milik YB Timbalan Menteri tersebut.

Kes ini telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001 berkaitan sekatan ke atas laporan dan penyiaran media. Kes ini masih dalam siasatan dan kertas siasatan telah dirujuk kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan nasihat dan arahan selanjutnya.